

Ucapan Muhyiddin Cerminkan Umno Terus Perjuangkan Bangsa Melayu - Rais Yatim
Bernama
30 November, 2011

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Ucapan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno semalam adalah bukti Umno sentiasa memartabatkan agenda memajukan bangsa Melayu.

Menurut Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim, beliau bangga kerana Umno meletakkan misi survival bangsa sebagai satu keutamaan dengan Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden Umno menyamakannya dengan jihad.

"Saya berasa bangga kerana agenda masyarakat Melayu itu diapungkan sebagai keutamaan malah beliau menyebutkannya satu jihad untuk dilaksanakan.

"Ini bermakna azam politik Umno di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sudah membawa kerangka yang jelas dengan bangsa lain tidak akan berasa iri hati," katanya kepada pemberita selepas memberikan taklimat Pelan Tindakan Komunikasi Banjir kepada media di sini hari Rabu.

Menurut Rais, semua usaha yang digerakkan kerajaan dicantumkan sekali untuk menunjukkan bahawa perjuangan Umno untuk memartabatkan bangsa Melayu akan juga membawa manfaat kepada masyarakat bukan Melayu di negara ini.

"Seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dahulu, banyak pihak menerima habuan tetapi masyarakat Cina dan India mendapat habuan juga hasil daripada (enterprise) perniagaan dan perkembangan ekonomi yang menjana kepentingan di luar bandar," kata Rais.

Dalam pada itu, hari ini Rais turut bertemu dengan pengurusan baru Pos Malaysia Bhd yang bakal menggantikan Datuk Syed Faisal Albar yang tamat kontrak pada 31 Dis ini.

Syed Faizal akan diganti oleh Pengarah Kumpulan, Perancangan Korporat DRB-Hicom Bhd Datuk Khalid Abdol Rahman, 55.

Rais berkata dengan pengurusan baru itu, Pos Malaysia akan dapat dimajukan lagi dengan formula-formula baru.

Antara yang perlu ialah Pos Malaysia diharap menumpukan kepada kebajikan posmen termasuk isu gaji mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=630976>